



## Original Article

## Laporan Media Cetak Berkaitan Konflik Arab-Israel pada Tahun 2015 di Malaysia: Kajian Terhadap Utusan Malaysia dan Berita Harian

Mohd Roslan Mohd Nor<sup>a\*</sup>, Ruzanah Mohd Rozi<sup>a</sup>, Muhammad Adam Abd. Azid<sup>b</sup> & Ahmad Za'im Sabirin Mohd Yusoff<sup>b</sup>

<sup>a</sup> Department of Islamic History and Civilisation, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Malaysia

<sup>b</sup> Department of Quran and Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Malaysia

\* Corresponding author, email; m\_roslan@um.edu.my

### ABSTRACT

The conflict between Arab-Israel is often reported by media to describe the situation in the Middle East. This article is an attempt to analyze the contributions and roles that have been played by local media relating to the Arab-Israel conflict in 2015 through Utusan Malaysia and Berita Harian as the main printed media in Malaysia. Therefore, this article aims to describe the sources of news, frequency of news published in news paper and local news coverage by these two media. Overall, this study uses qualitative methods through the documentations method, comparative and historical methods. The finding of this study shows that there are significant reports that can be divided in several areas such as the sources of news, frequency of news published in news paper and local news coverage by these two media.

**Keywords:** Media, conflict, Arab-Israel, Utusan Malaysia, Berita Harian

### Pendahuluan

Kelemahan sistem pentadbiran Uthmaniyyah dalam menguruskan wilayah-wilayah dibawah pentadbirannya telah dimanfaatkan oleh golongan Yahudi untuk menubuhkan sebuah negara Yahudi yang merdeka.<sup>1</sup> Ini ditambah dengan kewujudan Pertubuhan Zionis Dunia (*World Zionist Organization*) yang telah ditubuhkan pada tahun 1897 bagi merealisasikan agenda tersebut. Alasan ampuh yang sering digunakan oleh pertubuhan ini ialah ia merupakan sebahagian daripada usaha untuk menubuhkan ‘rumah’ bagi bangsa Yahudi di Palestin yang mempunyai ciri keselamatan yang dibantu dengan perlaksanaan undang-undang awam.<sup>2</sup> Rancangan penubuhan negara untuk bangsa Yahudi ini turut terkandung dalam dokumen *Der Judenstat* atau *The State of Israel* (Negara Israel) yang mana dokumen ini telah menjadi bahan utama Yahudi dalam

<sup>1</sup> James L. Gelvin, *The Israel-Palestine Conflict One Hundred Years of War* (Cambridge University Press, 2014), 57.

<sup>2</sup> Mohd Roslan Mohd Nor. “The Role of Zionist movement towards the creation of the state of Israel (Peranan pergerakan zionis terhadap pembentukan negara Israel).” *Jurnal Antarabangsa Kajian Asia Barat* 4, no.2 (2012), 57.

mencari jalan untuk menubuhkan sebuah negara bagi golongan Yahudi.<sup>3</sup> Pelbagai usaha seperti tawaran pembayaran balik hutang kerajaan Uthmaniyah telah dilakukan oleh golongan Yahudi bagi memastikan wilayah Palestin diberikan kepada mereka untuk menubuhkan negara Israel. Keengganan pemimpin Turki Uthmaniyah iaitu Sultan Abdul Hamid II untuk menyerahkan wilayah tersebut kepada golongan Yahudi telah membawa kepada campurtangan kuasa-kuasa besar dunia lantaran Yahudi memerlukan sokongan kuasa Barat bagi mendirikan negara Israel di Palestin.<sup>4</sup>

Pembahagian tanah Palestin kepada British telah membawa kepada perpecahan kawasan tersebut kepada beberapa kawasan dan menyebabkan kemarahan golongan Arab kepada Britain. Ini disebabkan mereka melihat Britain tidak memenuhi janji untuk menyokong perjuangan kemerdekaan negara Arab malah mengisyiharkan sokongan kepada penubuhan negara bangsa Yahudi di Palestin di bawah Deklarasi Balfour pada tahun 1917.<sup>5</sup>

Natijahnya, berlaku pergolakan antara golongan Arab Palestin dan Yahudi di wilayah Timur Tengah sehingga mencetuskan beberapa siri serangan dan rusuhan di beberapa kawasan di Palestin.<sup>6</sup> Permusuhan antara golongan Arab dan Yahudi berterusan sehingga tercetusnya Perang Dunia II yang memperlihatkan Palestin diletakkan di bawah pentadbiran Mandat British (*British Mandate*) yang berkuatkuasa dari tahun 1920 sehingga 1948. Pembahagian 55% wilayah Palestin oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam resolusi perjanjian damai Israel-Palestin untuk dijadikan sebagai negara Israel telah dibantah oleh para pemimpin Arab yang lain sehingga dilancarkan serangan ke atas Israel pada 15 Mei 1948 iaitu hari kemerdekaan Negara Israel menerusi perang Israel-Arab pertama.<sup>7</sup>

Kegagalan pihak Arab untuk mempertahankan Palestin sejak dari peristiwa tersebut sehingga kini telah mendapat liputan yang meluas daripada pelbagai agensi, media masa dan media cetak. Pergolakan juga masih terus menerus berlaku dengan Israel yang dibantu dengan persenjataan moden menyerang rakyat Palestin yang hanya bersenjata batu-batu kecil. Laporan-laporan yang disampaikan kepada masyarakat umum turut mendapat perhatian masyarakat Malaysia yang sentiasa mengikut perkembangan Arab-Israel menerusi media. Bahkan media cetak utama di Malaysia iaitu Utusan Malaysia dan Berita Harian turut tidak terlepas memaparkan isu-isu berkaitan Arab-Israel. Kajian ini memberikan tumpuan terhadap laporan-laporan tersebut khususnya pada sepanjang tahun 2015 yang lalu. Persoalan yang cuba dirungkai adalah sebagaimana berikut:

- I. Apakah purata agensi berita yang menjadi sumber dalam berita akhbar Utusan Melayu dan Berita Harian?
- II. Apakah purata kekerapan isu konflik Arab-Israel dimainkan oleh kedua-dua akhbar berdasarkan bulan dalam tahun 2015?

<sup>3</sup> Mohd Roslan Mohd Nor. "Konflik Israel–Palestin Dari Aspek Sejarah Modern Dan Langkah Pembebasan dari Cengkaman Zionis." *Jurnal Al-Tamaddun* Bil 5 (2010), 74.

<sup>4</sup> Mohd Roslan Mohd Nor, and Nor Dalila Zakaria. "Perancangan Zionis Ke Arah Pembentukan Negara Israel." *Jurnal Usuluddin* 30 (2009), 229-230.

<sup>5</sup> Mohd Roslan Mohd Nor. "Konflik Israel–Palestin Dari Aspek Sejarah Modern Dan Langkah Pembebasan dari Cengkaman Zionis." 73.

<sup>6</sup> Ruzanah Mohd Rozi, "Penubuhan Negara Israel: Analisis Strategi Yahudi dan Kesannya Di Timur Tengah" (Paper project, Universiti Malaya, 2013), 85.

<sup>7</sup> Roger Garaudy, *Kewujudan Negara Israel: Satu Kajian Tentang Gerakan Politik Zionisme*, Johor: Perniagaan Jahabersa, 1999, 94.

- III. Apakah tempat tumpuan berita yang sering menjadi isu berkaitan konflik Arab-Israel dalam kedua-dua akhbar terpilih?

### Metodologi Kajian

Bagi mengumpulkan maklumat berkaitan konflik Arab-Israel, kajian ini menggunakan tiga metodologi kajian iaitu metod dokumentasi, metod komparatif dan metod historis. Metod dokumentasi atau analisis kandungan adalah metod yang paling sesuai digunakan untuk menilai kandungan dan arah aliran sesuatu perkara dalam media cetak.<sup>8</sup> Metod komparatif pula digunakan bagi membuat perbandingan isu-isu yang dimainkan dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian. Metod historis pula melihat sejarah akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian yang menjadi sumber bahan berita utama bagi rakyat Malaysia. Analisis hanya ditumpukan kepada berita yang berkaitan konflik Arab-Israel sahaja. Jangka masa yang dipilih ialah bermula Januari 2015 sehingga Disember 2015.

Penganalisaan melihat kepada tiga angkubah utama. Pertama, sumber berita yang mana angkubah sumber berita akan memberikan gambaran tentang agensi berita dan sisi berita yang disiarkan.<sup>9</sup> Kedua, kekerapan isu konflik Arab-Israel dalam akhbar. Angkubah kekerapan isu konflik yang dimainkan akhbar secara tidak langsung menggambarkan bahawa akhbar tempatan ‘bertindak’ untuk merapatkan jurang fizikal yang jauh antara Malaysia dengan isu konflik Arab-Israel. Ketiga, lokasi berita ataupun *angle* berita. Aspek ini digunakan bagi memperlihatkan isu-isu yang diutarakan oleh media dan lokasi berita bagi mengenalpasti hubungan antara negara-negara yang berkaitan dengan konflik Arab-Israel.

### Sejarah Akhbar

Penerbitan akhbar sebagai medium utama penyebaran laporan di Malaysia mempunyai akhbar yang mewakili masyarakat yang berbilang bangsa iaitu Melayu, Cina dan Tamil. Industri cetakan suratkhabar dalam pelbagai bahasa di negara ini telah berkembang pesat sejak tahun 1805. Dalam konteks ini, penerbitan akhbar pertama di Malaysia adalah sebuah akhbar berbahasa inggeris *The Prince of Wales Island Gazette* telah diterbitkan di Pulau Pinang dalam tahun 1805. Namun, setelah dilancarkan penulisan Jawi Peranakan, akhbar tersebut muncul sebagai akhbar melayu pertama diterbitkan di Singapura pada tahun 1876. Perkembangan medium akhbar ini adalah didasari oleh kesedaran masyarakat melayu terhadap kepentingan persuratkhabaran dalam kehidupan. Namun, perkembangan surat khabar di Malaysia sedikit terjejas semasa Perang Dunia Kedua namun kembali berkembang selepas merdeka terutama akhbar dalam bahasa melayu yang telah digunakan untuk berbagai tujuan berbanding dengan sebelum merdeka yang mana akhbar melayu lebih tertumpu kepada perkembangan bahasa dan sastera melayu.<sup>10</sup>

<sup>8</sup> Bernard Berelson, Content Analysis in Communication Research, (Glencoe: Free Press, 1952).

<sup>9</sup> Abd Latif Lai Abdullah, and Haryati Abdul Karim. "Sepuluh Tahun Sabah dalam Malaysia: Satu Analisis Akhbar Tempatan." *Jurnal Komunikasi Borneo (JKoB)* 1 (2014), 110.

<sup>10</sup> William R. Roff, *Sejarah Surat-Surat Khabar Melayu*. Kuala Lumpur: Siri Monograf Persekutuan Bahasa Melayu, Universiti Malaya (1967).

### a) Akhbar Utusan Malaysia

Utusan Malaysia pada awalnya dikenali sebagai Utusan Melayu merupakan usaha Yusof Ishak, Ambok Sooloh J.P, Ambok Ghani dan Manan Mohd. Ali sebagai pengasasnya untuk menubuhkan Syarikat Kumpulan Utusan bagi memainkan peranan penting kepada masyarakat melayu pada ketika itu bagi menyebarkan semangat perjuangan dalam kalangan masyarakat melayu agar menentang penjajah dan menuntut kemerdekaan tanah air. Penubuhan akhbar ini serentak dengan pelancaran akhbar sulung Utusan Melayu iaitu pada 29 Mei 1939 dengan menggunakan tulisan Jawi.<sup>11</sup> Akhbar tersebut dicetak di alamat Utusan Melayu di 185, Cecil Street, Singapura dan dilihat sebagai platform untuk pembangunan intelektual dalam kalangan nasionalis Melayu yang bermotifkan untuk melahirkan kepemimpinan politik yang mempunyai kesedaran tentang persediaan untuk mencapai kemerdekaan.<sup>12</sup>

Namun, setelah negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, pejabat urusan Utusan Melayu Press Limited telah berpindah ke Kuala Lumpur pada 5 Februari 1958 dan telah memulakan operasinya di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur pada 7 Februari 1958 sebelum didaftarkan sebuah syarikat berhad awam di bawah Akta Syarikat, bernama Utusan Melayu (Malaysia) Berhad pada 10 Mei 1967. Sejak itu, syarikat ini telah berkembang maju dengan amat pesat sehingga disenarai dalam Bursa Saham Kuala Lumpur pada 1994.<sup>13</sup> Krediabiliti Utusan Malaysia dalam meneroka pelbagai teknologi baru dalam penerbitan seperti penggunaan *Cybergraphic System* telah memberikan kelebihan kepada Utusan Malaysia untuk mencetak lebih banyak naskah dalam tempoh masa yang singkat. Sehingga kini Kumpulan Utusan bukan sahaja memberi tumpuan dalam penerbitan akhbar Utusan Malaysia, tetapi juga ‘Mingguan Malaysia’, ‘Kosmo!’ dan ‘Kosmo! Ahad’ di samping beberapa perniagaan media lain melalui 16 buah anak syarikatnya antaranya ialah pengiklanan melalui *Utusan Media Sales* (UMES) dan *Utusan Airtime*. Penerbitan majalah pula menerusi Utusan Karya manakala penerbitan buku adalah menerusi *Utusan Publications & Distributions* (UP&D). Perkhidmatan percetakan adalah melalui *Utusan Printcorp* dan bagi perkhidmatan atas talian pula menerusi *Perfisio*.<sup>14</sup>

### b) Akhbar Berita Harian

Akhbar Berita Harian merupakan akhbar rumi pertama Malaya yang ditubuhkan di Singapura pada 1 Julai 1957 dengan memuatkan berita tempatan, halaman wanita, rencana, sukan hiburan, tulisan pojok dan ehwal antarabangsa dalam lapan halaman yang dijual dengan harga 15 sen senaskah yang diterbitkan oleh *Straits Times* sebelum diambil syarikat induk *Singapore Press Holdings Limited*. Dalam tempoh itu, Berita Harian terus berusaha untuk muncul sebagai sebuah akhbar perdana dengan imej tersendiri termasuk melancarkan Berita Minggu pada 10 Julai 1960 dan akhirnya pada 1966 satu konsep baru *masthead* diperkenalkan. Perubahan dalam cetakan Berita Harian dapat dilihat pada tahun 1972 yang mana cetakan Berita Harian diterbitkan dalam konsep berwarna-warni sempena Hari Kebangsaan Singapura yang ke-7. Dalam tahun yang sama juga, tampuk kepemimpinan di Berita Harian diambil alih

<sup>11</sup> Yew Soon Tan, Soh Yew Peng, and Yew Peng Soh. *The development of Singapore's modern media industry*. Marshall Cavendish International, (1994), 20-21.

<sup>12</sup> “Garis Masa Utusan 1938-2016,” Utusan, accessed February 16, 2016. <http://arkib.utusan.com.my/sejarah/garis-masa-utusan-1938-2016#queen-street-1938-1945>.

<sup>13</sup> “Garis Masa Utusan 1938-2016,” Utusan, accessed January 15, 2016, <http://arkib.utusan.com.my/sejarah/garis-masa-utusan-1938-2016#kuala-lumpur-1958-1980>.

<sup>14</sup> Halimaton Hamza. “Wawasan 2020 Dalam Akhbar-Akhbar Tempatan: Satu Analisis Kandungan.” (Master dissertation, Universiti Malaya, 2000), 85.

oleh Abdul Wahab Zain telah menambah dua muka surat tambahan menjadikan keseluruhan naskah Berita Harian adalah 12 muka surat pada tahun 1974.

Penerbitan Berita Harian memperlihatkan haluan penerbitannya yang berbeza pada tahun 1974 bilamana *Straits Times* berpisah menjadi dua syarikat yang berasingan iaitu *The Straits Times Press* (Singapura) dan *The News Straits Times* (Malaysia).<sup>15</sup> Menerusi pembahagian ini, penerbitan Berita Harian melalui *The News Straits Times* memberi fokus kepada berita-berita dalam negara dan menyaksikan penggunaan mesin taip komputer IBM bagi pemberita dan VDT bagi penyunting pada tahun 1977. Setelah itu, *Singapore Press Holdings* (SPH) ditubuhkan pada 4 Ogos 1984 dan telah menggabungkan syarikat *The Straits Times Press Ltd.*, *Times Publishing Bhd.* dan *Singapore News and Publications Ltd.* pada 30 November 1984. Menerusi gabungan syarikat-syarikat ini, *Singapore Press Holding* (SPH) kini menjadi penerbit akhbar-akhbar utama iaitu, Berita Harian, Berita Minggu, *Lianhe Wanbao*, *Lian Zaobou*, *Shin Min Daily News*, *Tamil Murasu*, *The Business Times*, *The New Paper*, *The Straits Times* dan *The Sunday Times*.

Semasa A Kadir Jasin memegang jawatan Pengarang Kumpulan pula, beliau telah memperkenalkan Anugerah Bintang Popular (ABP) pada Disember 1987 sebelum melepaskan kepemimpinan itu kepada Ahmad Nazri Abdullah pada 8 April 1988. Penggunaan maklumat ringkas dan fakta nombor menjadi satu elemen baharu yang diperkenalkan oleh Berita Harian selepas Datuk Manja Ismail dilantik menjadi Pengarang Kumpulan pada 1 April 2006. Pengenalan kepada ‘RakanBH’ pada 10 April 2006 membolehkan pembaca berpeluang berkongsi pandangan serta komen menggunakan telefon bimbit. Kini, Berita Harian menggunakan moto ‘Merentas Generasi’ serta slogan ‘Satu Untuk Semua’ yang turut membawa maksud untuk seisi keluarga serta masyarakat pada semua peringkat umur, jantina dan kaum. Sikap moderat Berita Harian inilah yang membolehkan akhbar ini terus bertahan, terutama di sekolah termasuklah di sekolah aliran Cina dan Tamil. Bagaimanapun, ini tidak bermakna BH memandang ringan ancaman media baharu. Inilah yang sedang digarap BH dengan mengimbangkan kelebihan media baharu dan akhbar yang sudah tentu masih mempunyai kekuatan dan keunikannya tersendiri.<sup>16</sup>

## Perbincangan

### a) Sumber Berita

Sumber berita boleh diperoleh dalam pelbagai bentuk yang merujuk kepada *origin* mahupun siapa yang melaporkan berita tersebut.<sup>17</sup>

#### 1- Agensi Berita

##### Pertama: Agensi berita yang mewakili negara

Agensi berita seperti Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA – [www.bernama.com](http://www.bernama.com)) adalah contoh agensi berita yang mewakili negara Malaysia. BERNAMA adalah sebuah badan berkanun, ditubuhkan kerajaan Malaysia melalui Akta Parliment 1967. Jika

<sup>15</sup> Halimaton Hamza. “*Wawasan 2020 Dalam Akhbar-Akhbar Tempatan: Satu Analisis Kandungan.*” 83.

<sup>16</sup> “Sejarah: Akhbar Bahasa Melayu Terulung.” Harian, accessed February 16, 2016, <http://www.bharian.com.my/sejarah>.

<sup>17</sup> Abdullah, Abd Latif Lai, and Haryati Abdul Karim. “Sepuluh Tahun Sabah dalam Malaysia: Satu Analisis Akhbar Tempatan.”

sesuatu berita dikeluarkan oleh BERNAMA, ia lebih dipercayai dan berita yang dikeluarkannya mempunyai ‘insuran’ jika terdapat kesalahan dalam laporan. Kebanyakan agensi berita yang mewakili sesebuah negara tidak menjadikan keuntungan sebagai motif utama dan dianggap sebagai sebuah badan berkanun yang dibentuk oleh sesebuah negara. ‘Cash cow’ untuk agensi berita biasanya tertumpu pada jualan berita dan gambar.

Kedua: Agensi berita yang tidak berasaskan negara.

Contoh mudah agensi berita yang tidak mewakili negara ialah AFP (<http://www.afp.com/>) dan Reuters (<http://www.reuters.com/>). Fungsi agensi berita yang tidak mewakili negara tidak jauh berbeza daripada agensi berita yang berasaskan negara cuma mereka tidak semestinya mewakili suara negara asal mereka. Namun, dalam kes ini, terdapat beberapa agensi berita yang mewakili suara negara asal mereka seperti AFP dari Perancis dan Reuters dari England kerana ia bersifat ‘self-sustained’. Ia bermotifkan keuntungan melalui penjualan berita, langganan, iklan, dan sebagainya.

Ketiga: Agensi berita asing dan BERNAMA

Peristiwa yang telah dilaporkan oleh agensi berita asing dan BERNAMA namun, kemudiannya diolah semula oleh akhbar tempatan.

**b) Tempatan**

Sumber berita yang kedua ini adalah peristiwa yang dilaporkan ialah individu atau wartawan yang mewakili syarikat akhbar tersebut sama ada dari syarikat akhbar Utusan Malaysia atau syarikat akhbar Berita Harian.

Perbincangan seterusnya akan tertumpu kepada analisis kajian yang berteraskan kepada skop kajian untuk membuat perbandingan antara akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian berkaitan dengan konflik Arab-Israel bermula Januari 2015 hingga Disember 2015.

**Jadual 1: Judul, Sumber dan Tarikh Artikel Akhbar Utusan Melayu**

Bil	Judul Artikel Akhbar	Sumber Berita	Tarikh	Kolumn
1	Sweden meluat dengan sikap Israel	REUTERS	17 Jan	Luar negara
2	Israel cuba sekat ICC	AGENSI/REUTERS	18 Jan	Luar negara
3	Israel sengaja saarkan orang awam	AFP	22 Jan	Luar negara
4	Israel pecat 43 anggota tentera	Yedioth Ahronoth/REUTERS	27 Jan	Luar negara
5	PM Israel penipu	AGENSI	19 Feb	Luar negara
6	Israel bukan lagi musuh Arab	Azmi Hassan/	2 Apr	Rencana
7	PM Israel kecam perjanjian nuclear	AFP	6 Apr	Luar negara
8	Israel tahan Ahli Parlimen wanita	AFP	6 Apr	Luar negara
9	Tentera Israel tahan 29 aktivis pergerakan Hamas	Laman web The Electronic Intifada	15 Apr	Luar negara
10	NZ sedia bantu pulih rundingan Palestin-Israel	REUTERS/AGENSI	22 Apr	Luar negara
11	Kereta kebal Israel serang kedudukan Hamas	AFP	25 Apr	Luar negara
12	Israel bertanggungjawab serang sekolah PBB	AFP	28 Apr	Luar negara

13	Mahkamah Israel arah rumah penduduk Palestin diroboh	REUTERS	5 Mei	Luar negara
14	Natalie Portman kecewa Netanyahu dilantik PM Israel	AFP/AGENSI	8 Mei	Luar negara
15	Israel gempur kedudukan pejuang Hamas	Hollywood Reporter/	4 Jun	Luar negara
16	Israel lancar roket lagi ke Gaza	Daily News	7 Jun	Luar negara
17	Israel tahan 93 kanak-kanak Palestin	AFP	8 Jun	Luar negara
18	PBB tidak senarai keganasan Israel	AGENSI/REUTERS	9 Jun	Luar negara
19	Isarel pertahan tindakan tentera serang Gaza	Presstv.ir/AGENSI	15 Jun	Luar negara
20	Israel batal permit masuk Baitulmaqdis	AFP/AGENSI	25 Jun	Luar negara
21	Israel gempur Gaza lagi	AFP/al-Jazeera	24 Jun	Luar negara
22	Israel tahan kapal Flotila Kebebasan III	REUTERS/AFP	29 Jun	Luar negara
23	PBB gesa Palestin, Israel beri kerjasama	AFP	4 Jul	Luar negara
24	Israel rampas barang, wang Palestin	REUTERS/AFP	10 Jul	Luar negara
25	Tentera Israel gempur Al-Aqsa	AGENSI/REUTERS	26 Jul	Luar negara
26	Israel silap besar jika serang Iran-Kerry	Portal Palestine News Network	26 Jul	Luar negara
27	Israel perlu dikenakan tindakan	AGENSI/AFP	27 Jul	Luar negara
28	Jenayah perang Israel	NBC Today	29 Jul	Luar negara
29	Empat polis Gaza cedera serangan Israel	AGENSI	8 Ogos	Luar negara
30	Teruskan boikot Israel – PPIM	AFP	10 Ogos	Nasional
31	Israel kembali bedil Gaza	AFP	10 Ogos	Luar negara
32	Pertempuran tercetus di Israel	UTUSAN	17 Ogos	Luar negara
33	Israel teruskan serangan	REUTERS	25 Ogos	Luar negara
34	Israel didesak henti sekatan di Gaza	REUTERS/AFP	26 Ogos	Luar negara
35	Israel gempur kem pelarian	REUTERS	1 Sept	Luar negara
36	Kata dua kepada Israel	AGENSI/al-Jazeera	3 Sep	Luar negara
37	Dunia kecam hasrat Israel	REUTERS/AFP	2 Sep	Luar negara
38	Israel gempur al-Aqsa	AGENSI/AFP	13 Sep	Luar negara
39	Polis Israel terus serbu al-Aqsa	AFP	14 Sep	Luar negara
40	Penduduk Palestin, polis Israel bertempur	AFP	19 Sep	Luar negara
41	Israel tembak mati remaja wanita Palestin	Ynet/DPA	23 Sep	Luar negara
42	Tolong berhenti 'memihak' Israel	REUTERS/AFP	24 Sep	Nasional
43	Mohamed popular di Israel	AGENSI/AP	25 Sep	Luar negara


44	Israel tidak boleh dibiar bebas tanpa dihukum	Metra Syahril Mohamed/UTUSAN	27 Sep	Nasional
45	Pemimpin Israel perlu dihukum	AGENSI	28 Sep	Luar negara
46	Israel cuba cetus perang agama-Abbas	BERNAMA	1 Okt	Luar negara
47	'Kenapa Israel bunuh rakan-rakan saya?'	REUTERS	3 Okt	Nasional
48	Israel larang masuk Masjid al-Aqsa	AFP/REUTERS	4 Okt	Luar negara
49	Israel terus menganas	Sofian Baharom	5 Okt	Luar negara
50	Israel rancang intifada	AFP	6 Okt	Luar negara
51	Kekejaman Israel	AFP	8 Okt	Luar negara
52	Pengecutnya Israel	REUTERS	9 Okt	Rencana
53	Polis Israel tembak empat rakyat Palestin	REUTERS/AFP	10 Okt	Luar negara
54	Boikot produk Israel, bantah keganasan	Shamsiah Zulkafli/	11 Okt	Nasional
55	Wanita mengandung maut serangan Israel	AFP/AP –Gambar	11 Okt	Luar negara
56	Serangan udara Israel korbankan 2 warga Palestin	AFP	11 Okt	Luar negara
57	Bersatu menentang penjajahan Israel – Hamas	Lilis Suriani Omar &	12 Okt	Luar negara
58	Israel langgar undang-undang	Mohamad Hafiz Yusoff Bakri	13 Okt	Luar negara
59	Israel guna kekerasan	AFP/REUTERS	14 Okt	Luar negara
60	Penduduk Israel bakar masjid	REUTERS	14 Okt	Nahas & bencana
61	Lagi penduduk Palestin dibunuh Israel	AFP	15 Okt	Luar negara
62	Polis Israel cetuskan pertempuran	AFP	15 Okt	
63	Lima lagi korban keganasan Israel	AFP/al-Jazeera	17 Okt	Luar negara
64	"Intifada Ekonomi" Terhadap Israel	AFP/ REUTERS	18 Okt	Rencana
65	Israel tahan pemimpin Hamas	DPA/AFP	20 Okt	Luar negara
66	Israel cuba rampas Masjid al-Aqsa	AFP	21 Okt	Luar negara
67	Zionis Israel sasar kanak-kanak Palestin	AFP	22 Okt	Luar negara
68	Israel tarik sekatan ke Masjid al-Aqsa	Khairuddin Mohd Zain/	23 Okt	Luar negara
69	Kezaliman Israel menjadi-jadi	BBC	24 Okt	Luar negara
70	Israel penjarakan pemimpin Islam	AFP/REUTERS	28 Okt	Luar negara
71	Bayi Palestin mangsa terbaharu keganasan Isarel	Azrul Hakimie Anuer /	31 Okt	Luar negara
72	Israel ganggu acara pengembumian	Pusat Kajian Tahanan Palestin (PCPS)	1 Nov	Luar negara
73	Isarel biarkan penunjuk perasaan Palestin mati	REUTERS/Pertubuhan bagi Perlindungan Kanak-Kanak Antarabangsa (DCI)	7 Nov	Luar negara

74	2 lagi korban keganasan Israel	AFP	8 Nov	Luar negara
75	Israel bunuh Arafat – Palestin	AGENSI/AFP/	11 Nov	Luar negara
76	Perisik Israel serang hospital	REUTERS	12 Nov	Luar negara
77	Bolivia isytihar Israel pengganas	REUTERS/AFP	25 Nov	Luar negara
78	Kabinet Israel takrif Israel negara Yahudi	AGENSI	24 Nov	Luar negara
79	Israel bantah negara Yahudi	AFP	30 Nov	Luar negara
80	Empat penduduk Palestin dibunuh Israel	AGENSI/	5 Dis	Luar negara

Sumber: Utusan *Online*

Berdasarkan [Jadual 1], sebanyak 80 judul artikel berita berkaitan dengan konflik Arab-Israel yang telah dimuatkan dalam akhbar Utusan Malaysia. [Rajah 1] dibawah menunjukkan jumlah artikel berita berdasarkan kolumn akhbar Utusan Malaysia. Kolumn yang paling banyak mengandungi artikel berita berkaitan konflik Arab-Israel ialah kolumn Luar Negara iaitu sebanyak 71 artikel berita. Seterusnya kolumn Nasional mengandungi sebanyak 5 artikel, diikuti kolumn Rencana yang mengandungi 3 artikel sahaja. Kolumn Nahas dan Bencana hanya memuatkan 1 artikel sahaja berkaitan konflik Arab-Israel.

Rajah 1: Jumlah Artikel Berdasarkan Kolumn Akhbar Utusan Malaysia



Sumber: Utusan Online

Jadual 2: Judul, Sumber dan Tarikh Artikel Akhbar Berita Harian

Bil	Judul Artikel Akhbar	Sumber Berita	Tarikh	Kolumn
1	Palestin sertai Mahkamah Jenayah Antarabangsa mulai 1 April – PBB	AP/AFP	7 Jan	Dunia
2	PBB terima permohonan Palestin sertai ICC	AFP	7 Jan	Dunia
3	ICC buka kertas siasatan jenayah perang di Palestin	AGENSI	17 Jan	Dunia
4	Mahkamah Israel arah penempatan haram Yahudi diroboh	AP	18 Jan	Dunia
5	Israel serang kedudukan tentera Syria	REUTERS/AFP	28 Jan	Dunia


6	Majlis Keselamatan panggil sidang tergempar bincang konflik Lubnan-Israel	AFP	29 Jan	Dunia
7	Israel tidak akan serah wilayah Palestin – Netanyahu	REUTERS	9 Mac	Dunia
8	Rakyat Palestin terpenjara akibat kezaliman Israel	Syed Azwan Syed Ali/ AFP	14 Mac	Rencana
9	Palestin diterima serta Mahkamah Jenayah Antarabangsa	AFP	1 Apr	Dunia
10	Pesawat Israel bedil Gaza	AFP	4 Jun	Dunia
11	Israel bedil Gaza selepas Palestin lancar roket	AFP	24 Jun	Dunia
12	Israel batalkan 500 permit warga Gaza solat di al-Aqsa	REUTERS/ AFP	25 Jun	Dunia
13	Israel rampas kapal misi bantuan ke Gaza	AFP	29 Jun	Dunia
14	Isreal serang kemudahan hamas di Gaza	AFP	16 Jul	Dunia
15	Tentera Israel tembakn warga Palestin di tebing barat	AFP	23 Jul	Dunia
16	Polis Israel ceroboh masjid al-Aqsa	AFP	26 Jul	Dunia
17	Bayi Palestin maut dalam kebakaran dimulakan peneroka Israel	AFP	31 Jul	Dunia
18	Tentera Israel bedil bukit Golan	REUTERS	21 Ogos	Dunia
19	5 maut serangan terbaharu Israel ke atas bukit Golan	AFP	21 Ogos	Dunia
20	Palestin mahu bendera berkibar di PBB	AFP	28 Ogos	Dunia
21	Risiko petugas media di zon konflik	Syed Awan Syed Ali/ BERNAMA	7 Sep	Rencana
22	Bendera Palestin dibenar dikibar di ibu pejabat PBB	AFP	11 Sep	Dunia
23	Pertempuran penduduk Palestin-Israel masuk hari ketiga di al-Aqsa	AFP/AP	15 Sep	Dunia
24	Netanyahu umum hukuman lebih berat kepada pembaling batu di Jerusalem	AFP	16 Sep	Dunia
25	2 rakyat Palestin cedera pertempuran dengan polis Israel	REUTERS/ AGENSI	19 Sep	Dunia
26	Malaysia kutuk serangan di masjid al-Aqsa	BERNAMA	21 Sep	Semasa
27	Tunjuk perasaan Palestin di tebing barat	AP	22 Sep	Foto
28	Malaysia desak sidang kemuncak luar biasa mengenai Palestin, al-Aqsa	Kadir Dikoh	27 Sep	Semasa
29	Pertempuran tercusus di kawasan masjid al-Aqsa: polis Israel	AFP	27 Sep	Dunia

30	Pertempuran terbaharu polis Israel-Palestin al-Aqsa	AFP	28 Sep	Dunia
31	3 pelancong cedera dalam pertempuran Palestin-Israel	AFP/AP	30 Sep	Dunia
32	Bendera Palestin bakal dikibar di ibu pejabat PBB	AFP	30 Sep	Dunia
33	Palestin berhak dapat pengiktirafan penuh – mahmoud abbas	AFP	1 Okt	Dunia
34	Israel sabotaj usaha damai As, boleh cetus konflik agama – mahmoud abbas	EPA/AP	1 Okt	Dunia
35	Najib kutuk kezaliman Israel, tuntut keadilan untuk penduduk Palestin	REUTERS/ BERNAMA	2 Okt	Semasa
36	Najib nafi adakan pertemuan dengan netanyahu di PBB	BERNAMA	4 Okt	Semasa
37	Konflik Palestin-Israel digarap dalam buku ' <i>Abraham's children</i> '	NSTP	10 Okt	Semasa
38	2 warga Palestin terbunuh serangan udara Israel di Gaza	AFP	11 Okt	Dunia
39	Wanita hamil, anak kecil, remaja Palestin maut dibedil Israel	EPA/AFP	12 Okt	Dunia
40	Israel 'hasut intifada ketiga': menteri luar Palestin	REUTERS/AFP	12 Okt	Dunia
41	Majlis keselamatan PBB adakan sidang tergempar konflik baitulmaqdis	AFP	16 Okt	Dunia
42	Palestin gesa tentera antarabangsa ditempat di timur baitulmaqdis	AFP	17 Okt	Dunia
43	2 rakyat Palestin dibunuhi tentera, penduduk yahudi	AFP	17 Okt	Dunia
44	Kerry azam tamatkan sengketa Israel-Palestin	EPA/AFP	19 Okt	Dunia
45	Malaysia gesa Palestin, Israelkekang tindakan	BERNAMA	19 Okt	Semasa
46	Malaysia gesa Palestin, Israel kekang tindakan: anifah	BERNAMA	19 Okt	Semasa
47	Ban Ki-Moon buat lawatan mengejut ke Palestin Israel	REUTERS/AFP	20 Okt	Dunia
48	SU agung PBB beri amaran Israel, Palestin	AFP	21 Okt	Dunia
49	Askar Israel tembak mati lelaki yahudi	AP	22 Okt	Dunia
50	Haram doktor jejak bumi Israel helah tutup kezaliman	BERNAMA	24 Okt	Rencana
51	UNSC perlu cari pendekatan selesai konflik Palestin-Israel	BERNAMA	24 Okt	Dunia
52	Palestin tolak rancangan Israel pasang kamera di	AGENSI	26 Okt	Dunia

	al-Aqsa			
53	Israel lancar serangan udara ke atas Gaza	AFP	27 Okt	Dunia
54	Lubnan tahan 2 pengintip Israel	AFP	8 Nov	Dunia
55	2 penduduk Palestin maut ditembak askar Israel	AFP	16 Nov	Dunia
56	Zionis bunuh 3 warga Palestin	AFP	23 Nov	Dunia
57	Israel dakwa Palestin tembak roket dari Gaza	AFP	23 Nov	Dunia
58	Pemandu Palestin rempuh askar Israel mati ditembak	REUTERS/AFP	27 Nov	Dunia
59	Penduduk Palestin ditembak mati selepas tikan polis Israel	REUTERS	29 Nov	Dunia
60	IS proksi Israel hancurkan negara islam	Mohd Aziz Ngah, Mohd Anwar Patho Rohman	30 Nov	Rencana
61	Penyumbang AS salur jutaan dolar kepada peneroka yahudi	AP	8 Dis	Dunia

Sumber: BH *Online*


**Rajah 2: Jumlah Artikel Berdasarkan Kolumn Akhbar Berita Harian**



Sumber: BH *Online*

Bagi sumber akhbar Berita Harian pula sepetimana dalam [Jadual 2] adalah daripada akhbar Berita Harian yang memuatkan 61 artikel berita yang berkaitan. Artikel-artikel berita ini diletakkan pada kolumn yang berbeza setiap hari dan bulan. Manakala [Rajah 2] pula adalah jumlah artikel berita berdasarkan kolumn akhbar Berita Harian. Kolumn yang paling banyak memuatkan artikel berita ialah kolumn Dunia sebanyak 49 artikel. Kolumn Semasa mengandungi sebanyak 7 artikel, diikuti kolumn Rencana yang mengandungi 4 artikel sahaja. Kolumn Foto hanya memuatkan satu entri sahaja berkaitan konflik Arab-Israel.

**Rajah 3: Perbandingan Sumber Berita Antara Akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian**  
**Sumber: Utusan Online dan BH Online**




[Rajah 3] pula menunjukkan perbandingan sumber berita antara akhbar Utusan Melayu dan Berita Harian. Sumber utama bagi akhbar Utusan Malaysia ialah agensi AFP iaitu sebanyak 44 artikel, diikuti *REUTERS* iaitu sebanyak 28 artikel. Seterusnya sebanyak 18 artikel adalah dari sumber portal-portal berita seperti *NBC Today*, *USA Today*, *Daily News*, *CBC News*, *al-Jazeera*, *Presstv.ir*, *Palestine News Network*, *Ynet*, *DPA*, *BBC*, *PCPS*, *DCI*, *The Palestinian Info Centre* dan *Yedioth Ahronoth*. Agensi juga mencatatkan jumlah yang sama banyak dengan sumber portal berita iaitu 18 artikel. Artikel dari sumber agensi AP pula adalah sebanyak 14 artikel. Sumber daripada individu atau wartawan adalah sebanyak 8 artikel dan sumber daripada BERNAMA pula hanya satu artikel sahaja dalam akhbar Utusan Malaysia.

Manakala sumber utama Berita Harian pula ialah AFP iaitu sebanyak 39 artikel, diikuti dengan AP sebanyak 13 artikel. Sumber dari *REUTERS* pula hanya 10 artikel dan sebanyak 8 artikel adalah dari sumber BERNAMA. Sebanyak 7 artikel adalah daripada EPA. Manakala sumber artikel dari AGENSI dan individu adalah sama iaitu 4 artikel sahaja. Akhirnya, sumber yang diambil dari portal berita hanya satu artikel sahaja khususnya dari NSTP.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa akhbar Utusan Malaysia dan akhbar Berita Harian mengambil sumber berita daripada sumber yang sama dan kedua-dua akhbar mengutamakan sumber daripada AFP, AP dan *REUTERS*. Ketiga-tiga sumber ini merupakan agensi yang tidak mewakili negara amat penting bagi kedua-dua akhbar bagi menjelaskan konflik yang berlaku antara Arab-Israel yang telah bermula berabad tahun yang lalu. Agensi-agensi ini mampu memberikan maklumat lengkap berkaitan konflik adalah kerana mereka boleh menembusi sempadan Palestin dan melihat sendiri suasana konflik yang dialami oleh rakyat di sana. Konflik ini berterusan sehingga ke hari ini dan kekerapan konflik ini dimuatkan dan dipaparkan dalam berita boleh dikatakan hampir setiap bulan. Rajah 1.3 menunjukkan kekerapan isu konflik Arab-Israel dalam kedua-dua akhbar yang menjadi pilihan pengkaji.

**Rajah 4: Kekerapan Isu Konflik Arab-Israel dalam Akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian**




Sumber: Utusan *Online* dan BH *Online*

Secara keseluruhannya, isu konflik Arab-Israel yang paling banyak dipaparkan dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian adalah pada bulan Oktober yang mana Utusan Malaysia mencatatkan 26 isu, manakala Berita Harian memaparkan 21 isu. Pada awal tahun 2015 iaitu bulan Januari, 6 isu konflik dipaparkan dalam Berita Harian berbanding 4 isu sahaja dalam Utusan Malaysia. Isu konflik yang paling sedikit dipaparkan dalam kedua-dua akhbar ialah pada bulan terakhir iaitu bulan Disember yang mana kedua-dua akhbar hanya memaparkan satu isu sahaja. Sebanyak 5 isu konflik dimuatkan dalam akhbar Utusan Malaysia, manakala akhbar Berita Harian tidak memuatkan isu ini pada bulan Februari. Seterusnya pada bulan Mac pula, tiada liputan berita berkaitan konflik dalam akhbar Utusan Malaysia berbanding akhbar Berita Harian yang hanya memuatkan 2 isu konflik sahaja. Pada bulan April pula, akhbar Utusan Malaysia memuatkan 7 isu konflik dan satu isu sahaja dimuatkan dalam akhbar Berita Harian.

Seterusnya bulan Mei mencatatkan hanya 2 isu konflik dimuatkan dalam akhbar Utusan Malaysia manakala Berita Harian pula tidak membuat sebarang liputan berita pada bulan ini. Bulan Jun pula mencatatkan sebanyak 8 isu konflik dimuatkan dalam akhbar Utusan Malaysia manakala akhbar Berita Harian pula hanya memuatkan 4 isu sahaja. Pada dua bulan seterusnya iaitu bulan Julai dan Ogos, akhbar Utusan Malaysia memaparkan sebanyak 6 isu bagi kedua-dua bulan manakala akhbar Berita Harian pula memuatkan 4 isu pada bulan Julai dan 3 isu pada bulan Ogos. Pada bulan September pula, akhbar Berita Harian mendahului akhbar Utusan Malaysia dengan memuatkan 12 isu konflik berbanding 11 isu oleh Utusan Malaysia. Akhir sekali, akhbar Utusan Malaysia memuatkan 8 isu konflik manakala akhbar Berita Harian hanya memuatkan 7 isu sahaja.

Berdasarkan kepada tempat isu konflik Arab-Israel yang dimuatkan dalam akhbar Utusan Melayu dan Berita Harian pula, pengkaji telah meringkaskannya dalam [Rajah 5] sebagaimana berikut:

**Rajah 5: Perbandingan Isu Konflik Arab-Israel Berdasarkan Tempat Dalam Akhbar Utusan Melayu dan Berita Harian**



Sumber: Utusan *Online* dan BH *Online*

Secara umumnya, tempat yang paling banyak mendapat liputan berita konflik Arab-Israel ialah di Baitul Maqdis, manakala yang paling sedikit liputan pula ialah lain-lain tempat iaitu: 6 isu dalam akhbar Utusan Malaysia ialah dari Sucre, Aqraba, California, Washington, Geneva dan Stockholm, dan 3 isu pula dalam akhbar Berita Harian dari Damsyik, Vienna dan Madrid. Baitul Maqdis adalah tempat yang dituntut oleh Yahudi untuk dijadikan sebagai ibu negara Israel. Peristiwa pembunuhan sama ada melalui serangan udara atau darat yang dilakukan oleh tentera Israel terhadap rakyat Arab-Palestin adalah bertujuan merealisasikan matlamat untuk menjadikan Baitul Maqdis sebagai ibu negara mereka dengan menghalau rakyat Arab-Palestin dari bumi Baitul Maqdis dengan pelbagai cara yang kejam.

### Kesimpulan

Media cetak khususnya akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian yang menjadi pilihan utama pembaca berita dalam kalangan rakyat Malaysia menjadi wadah utama bagi menyampaikan berita mengenai konflik Arab-Israel. Kedua-dua akhbar ini memaparkan berita tersebut bersumberkan kepada beberapa agensi berita seperti AFP, AP, REUTERS, BERNAMA dan sebagainya yang mampu memberikan maklumat lengkap mengenai situasi dan keadaan yang berlaku di negara Palestin serta negara-negara lain yang mengecam tindakan kejam Israel terhadap rakyat Arab Palestin. Utusan Malaysia adalah akhbar yang paling banyak memuatkan isu konflik Arab-Isreal pada tahun 2015 iaitu sebanyak 80 isu. Manakala Berita Harian pula memuatkan sebanyak 61 isu sahaja dalam akhbarinya. Isu konflik yang paling kerap dimuatkan dalam kedua-akhbar ialah pada bulan Oktober 2015. Utusan Malaysia memuatkan isu-isu konflik ini pada setiap bulan kecuali bulan Mac sahaja berbanding Berita Harian yang tidak memaparkan isu konflik pada bulan Februari dan Mei. Seterusnya tempat yang menjadi tumpuan bagi kedua-

dua akhbar ialah Baitul Maqdis kerana berlaku banyak peristiwa kekejaman dan pembunuhan terhadap rakyat Arab-Palestin di situ pada tahun 2015. Antara peristiwa tersebut sebagaimana yang dipaparkan dalam kedua-dua akhbar ialah berkaitan pembunuhan rakyat Palestin melalui serangan udara dan darat oleh tentera Israel. Dilaporkan seramai 8 orang penduduk Baitul Maqdis terbunuh dalam serangan tersebut. Peranan kedua-dua ahkbar ini sangat besar sehingga rakyat Malaysia cakna dengan apa yang berlaku di Asia Barat.

**Penghargaan:** Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaya kerana telah menyediakan geran penyelidikan untuk membantu penyelidikan ini melalui UMRG RP025C-15SBS.

### Rujukan

- Abdullah, Abd Latif Lai, and Haryati Abdul Karim. "Sepuluh Tahun Sabah dalam Malaysia: Satu Analisis Akhbar Tempatan." *Jurnal Komunikasi Borneo (JKoB)* 1 (2014): 107-120.
- Berelson, B. *Content Analysis in Communication Research*, Glencoe: Free Press, 1952.
- Garaudy, R. *Kewujudan Negara Israel: Satu Kajian Tentang Gerakan Politik Zionisme*, Johor: Perniagaan Jahabersa, 1999.
- Gelvin, James L. *The Israel-Palestine Conflict One Hundred Years of War*. Cambridge University Press, 2014.
- Hamza, Halimatou. "Wawasan 2020 Dalam Akhbar-Akhbar Tempatan: Satu Analisis Kandungan." Master Dissertation, Universiti Malaya, 2000.
- Harian. "Sejarah: Akhbar Bahasa Melayu Terulung." Accessed February 16, 2016, <http://www.bharian.com.my/sejarah>.
- Utusan. "Garis Masa Utusan 1938-2016," Accessed January 15, 2016, <http://arkib.utusan.com.my/sejarah/garis-masa-utusan-1938-2016#kuala-lumpur-1958-1980>.
- Utusan. "Garis Masa Utusan 1938-2016," Accessed February 16, 2016, <http://arkib.utusan.com.my/sejarah/garis-masa-utusan-1938-2016#queen-street-1938-1945>.
- Nor, Mohd, Mohd Roslan, and Nor Dalila Zakaria. "Perancangan Zionis Ke Arah Pembentukan Negara Israel." *Jurnal Usuluddin* 30, (2009): 227-250.
- Nor, Mohd Roslan Mohd. "Konflik Israel—Palestin Dari Aspek Sejarah Modern Dan Langkah Pembebasan dari Cengkaman Zionis." *Jurnal Al-Tamaddun Bil 5* (2010): 73-92.
- Nor, Mohd Roslan Mohd. "The Role of Zionist movement towards the creation of the state of Israel (Peranan pergerakan zionis terhadap pembentukan negara Israel)." *Jurnal Antarabangsa Kajian Asia Barat* 4, no.2 (2012): 55-70.
- Roff, William R. *Sejarah Surat-Surat Khabar Melayu*. Kuala Lumpur: Siri Monograf Persekutuan Bahasa Melayu, Universiti Malaya (1967).

Rozi, Ruzanah Mohd. "Penubuhan Negara Israel: Analisis Strategi Yahudi dan Kesannya Di Timur Tengah." Paper project, Universiti Malaya, 2013.

Tan, Yew Soon, Soh Yew Peng, and Yew Peng Soh. *The development of Singapore's modern media industry*. Marshall Cavendish International, 1994.